

NILCO SYRUP

Ammonium chloride/Diphenhydramine hydrochloride (135mg/14mg setiap 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nilco Syrup
2. Bagaimana Nilco Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Nilco Syrup
4. Cara mengambil Nilco Syrup
5. Semasa mengambil Nilco Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nilco Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Nilco Syrup

Nilco Syrup digunakan untuk melegakan batuk dan kesesakan hidung, bersin, mata berair dan kesesakan bronkial (saluran udara).

Bagaimana Nilco Syrup berfungsi

Bahan-bahan aktif di dalam ubat ini adalah diphenhydramine hydrochloride dan ammonium chloride.

Diphenhydramine adalah antihistamina yang berfungsi dengan menghalang tindakan histamina, sejenis bahan dalam badan yang menyebabkan gejala alergi. Ia mempunyai kesan sedatif.

Ammonium chloride digunakan sebagai ekspektoran. Ia membantu mengurangkan kelikatan kahak dan memudahkan penyingkiran kahak semasa batuk.

Sebelum mengambil Nilco Syrup

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Nilco Syrup jika anda mempunyai alahan kepada Diphenhydramine hydrochloride dan Ammonium chloride, atau sebarang bahan yang disenaraikan dalam formulasi ubat ini.

Jangan berikan Nilco Syrup kepada kanak-kanak di bawah 2 tahun tanpa arahan doktor.

Gunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak berumur 2-6 tahun.

Jangan mengambil Nilco Syrup jika tarikh tamat tempoh dicetak pada pek telah berlalu.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil Nilco Syrup, hubungi doktor atau ahli farmasi.

Hamil dan menyusukan anak

Jangan ambil Nilco Syrup jika anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil.

Jangan ambil Nilco Syrup jika anda sedang menyusukan anak. Sedikit diphenhydramine dikumuhkan ke dalam susu ibu. Penggunaan tidak digalakkan semasa penyusuan kerana risiko kesan sampingan seperti keterujaan yang luar biasa atau kerengsaan pada bayi

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan, terutama yang berikut :

- sawan
- masalah pundi kencing (retensi air kencing)
- penyakit hati
- porfiria (masalah kesihatan yang boleh menyebabkan masalah saraf atau kulit)
- glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- masalah pernafasan (seperti asma)
- batuk yang berterusan
- Masalah kardiovaskular (melibatkan jantung atau saluran darah)

Penggunaan untuk warga tua

Warga tua lebih cenderung untuk mengalami pening, mengantuk, kekeliruan dan tekanan darah rendah, kekeringan mulut dan retensi air kencing semasa mengambil antihistamina.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh mengganggu fungsi Nilco Syrup, ini termasuklah:

- ubat depresan sistem saraf pusat seperti alkohol, barbiturat, hipnotik, ubat tahan

sakit yang mengandungi opioid, ubat penenang anksiolitik dan neuroleptik.

- perencat *Monoamine Oxidase* (antidepresan, untuk kemurungan) seperti furazolidone, pargyline dan procarbazine
- ubat ototoksik (ubat yang boleh menyebabkan kerosakan kepada pendengaran) seperti aminoglikosida, frusemide, erythromycin dan salisilat
- temazepam

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain yang tidak tersenarai seperti di atas.

Cara mengambil Nilco Syrup

Berapa banyak harus diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Diphenhydramine Hydrochloride diberikan secara oral dalam dos yang biasa 25mg hingga 50mg tiga atau empat kali sehari.

Dewasa: 10mL sehingga 15mL

Kanak-kanak lebih dari 2 Tahun: Setengah hingga 1 sudu (2.5ml hingga 5ml) atau jumlah dos harian 5mg / kg berat badan boleh diberi dalam dos yang dibahagikan, sehingga maksimum 300mg setiap hari.

Perlu diambil tiga atau empat kali sehari.

Dos harian yang maksimum di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak adalah kira-kira 300mg harian.

Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

NILCO SYRUP

Ammonium chloride/Diphenhydramine hydrochloride (135mg/14mg setiap 5ml)

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala-gejala dos berlebihan ialah:

- Kesedaran terjejas
- Psikosis (penyakit mental)
- Sawan
- Dilatasi anak mata
- Kadar denyutan jantung yang cepat
- Kegagalan pernafasan

Semasa mengambil Nilco Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Nilco Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Nilco Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda berasa mengantuk,

jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Elakkan alkohol dan minuman beralkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Nilco Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Sedasi
- Keletihan
- Pening
- Insomnia (tidak dapat tidur)
- Gemuruh
- Kegembiraan yang abnormal atau berlebihan
- Mudah marah
- Bergetar
- Mimpi buruk
- Halusinasi
- Mulut kering
- Penglihatan yang kabur
- Sembelit
- Kadar denyutan jantung yang cepat
- Loya
- Muntah

Ini bukan senarai yang lengkap untuk kesan-kesan sampingan. Hubungi doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web

portal.bpfk.gov.my (*Consumers*

→*Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Nilco Syrup

Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di dalam bekas yang tertutup rapat di tempat yang kering, di bawah 25°C dan lindungi daripada cahaya.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Cecair berwarna coklat kemerahan, jernih, mudah mengalir, dengan bau pudina.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Setiap 5ml mengandungi:

Ammonium chloride 135mg dan Diphenhydramine hydrochloride 14mg

Bahan-bahan tidak aktif:

Menthol, Propylene Glycol, liquid caramel, Liquid Sorbitol, Granular sugar, Saccharine Sodium, Carmellose, Carboxymethylcellulose sodium, peppermint oil, Anhydrous Citric Acid, Purified Water, Sodium Benzoate dan Glycerin.

Nombor MAL

MAL 20021006AZ

Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P)

Lot 24 & 25 Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P)

Lot 24 & 25 Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

17/11/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)061115/00410